

**NO. SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 [SELASA]**

**DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian dan kelemahan projek-projek 1Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1Malaysia merupakan satu konsep yang diperkenalkan dari tahun 2009 berasaskan landasan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara. Ternyata setelah enam tahun diperkenalkan, ianya dapat diterima baik oleh setiap lapisan masyarakat sebagai satu konsep berpaksikan konsep Wassatiyah atau kesederhanaan dan "inclusiveness" atau keterangkuman, serta keadilan sosial bagi membantu setiap yang memerlukan bantuan, sebagai tunggak utama kestabilan dan kemajuan dalam melakar dasar-dasar negara.

Pelbagai inisiatif dan Produk bertemakan gagasan 1 Malaysia yang bertunjang kepada elemen 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan' telah dilancarkan seperti yang berikut:

- Amanah Saham 1Malaysia (AS1M)
- Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M)
- Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M)
- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)
- Interaktif-Tuisyen Rakyat 1Malaysia (i-TR1M)
- Kad Diskaun Rakyat 1Malaysia (KDR1M)
- Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)
- Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)
- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)
- Klinik 1Malaysia
- Klinik Bergerak 1Malaysia
- Menu Rakyat 1Malaysia
- Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)
- Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA)
- Program Susu 1Malaysia (PS1M)
- Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia
- Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)

- Rawatan Perubatan Percuma bagi Warga Emas
- Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia)
- Skim Keselamatan Makanan 1Malaysia (SK1M)
- Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)
- Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma)

Program, dan inisiatif yang telah di laksanakan ini telah sedikit sebanyak membantu segenap lapisan masyarakat dari pelbagai kaum baik dari aspek sosial, ekonomi dan kesejahteraan kebajikan. Kerajaan sentiasa peka dan perihatin dengan segala inisiatif yang diperkenalkan dan sentiasa melakukan penambahbaikan bagi memastikan usaha-usaha murni ini menjadi lebih efisien dan efektif sejajar dengan matlamat 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'. Sesungguhnya gagasan 1Malaysia merupakan batu asas yang paling penting bagi terus memperkukuhkan dan mempereratkan perpaduan rakyat sebagai sumber kekuatan utama negara kita.

Sekian, terima kasih